

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**TEKNIK PERMAINAN
SERUNAI DALAM KONTEKS PENGAJARAN
DAN PEMBELAJARAN MUZIK TRADISIONAL
WAYANG KULIT KELANTAN:
SATU KAJIAN KES**



KAMARUDIN BIN YUSOFF

**SARJANA PENDIDIKAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35900 TANJONG MALIM
PERAK DARUL RIDZUAN
MALAYSIA**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

PERAKUAN

Dengan ini, saya Kamarudin bin Yusoff Nombor Matrik : M20031001387 mengaku bahawa naskah disertasi yang saya serahkan bertajuk **TEKNIK PERMAINAN SERUNAI DALAM KONTEKS PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MUZIK TRADISIONAL WAYANG KULIT KELANTAN : SATU KAJIAN KES** adalah hasil kerja akademik saya sendiri kecuali rujukan dan bahan-bahan petikan yang telah dinyatakan sumber asalnya.

Sekian dimaklumkan.

29hb. Oktober 2008

Yang benar,

.....
KAMARUDIN BIN YUSOFF

PENGHARGAAN

Kajian ini telah berjaya dilengkapkan dengan bantuan yang ikhlas dari beberapa pihak. Ribuan terima kasih dan penghargaan saya ucapkan kepada Encik Hamzah bin Yusoff yang tinggal di Kampung Gelang Emas, dengan tulus ikhlasnya telah sudi menjadi informan dalam kajian saya. Saya juga amat berterima kasih kepada Pusat Perlancongan Negeri Kelantan, Pejabat Kebudayaan Negeri Kelantan dan Persatuan Kumpulan Wayang Kulit Negeri Kelantan yang banyak membantu saya dalam mentelaah sumber-sumber yang berharga untuk kajian ini.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada penasihat utama saya Prof. Madya. Ahmad Fuad bin Ahmad Dahalan yang penuh ikhlas membimbing saya dalam mentelaah apa itu kajian kualitatif sehingga mencetuskan satu tajuk yang difikirkan patut dikaji dan diterokai bagi membuka ruang dalam pengajaran dan pembelajaran muzik tradisioanal khususnya teknik-teknik permainan serunai wayang kulit negeri Kelantan.

Kepada penasihat kedua saya En. Mahayuddin bin Abdul Rahim, Prof. Madya Zaharul Laliddin bin Saidon ,Cik Clare Chan Suet Ching dan En. Mohd. Azam bin Sulong, saya ucapkan ribuan terima kasih di atas sumbangan sumbangan idea yang banyak membantu saya mengatasi masalah-masalah yang dihadapi sepanjang penulisan kajian ini. Juga tidak ketinggalan berterima kasih saya kepada Dr. Mohd. Hassan bin Abdullah Ketua Jabatan Muzik UPSI yang banyak memberi teguran, pendapat dan nasihat berguna bagi mencetuskan idea-idea yang begitu bernas untuk saya menyiapkan kajian ini. Kepada Prof. Madya Zaharul Laliddin bin Saidon ,Cik Clare Chan Suet Ching dan En. Mohd. Azam bin Sulong, ribuan terima kasih diucapkan kerana memberi

semangat dan nasihat serta teguran yang berguna kepada saya. di sepanjang proses penghasilan kajian ini.



TERIMA KASIH

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti aspek-aspek yang diambil kira dalam proses pengajaran dan pembelajaran permulaan permainan serunai. Fokus kajian adalah berkaitan dengan teknik-teknik permainan, ungkapan serta istilah tradisional tempatan yang digunakan oleh tenaga pengajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini perlu dijalankan memandangkan pemain-pemain serunai semakin berkurangan dan kebanyakannya terdiri daripada warga tua. Seorang pemain serunai terkenal di Pasir Mas, Kelantan iaitu En. Hamzah bin Yusof telah dipilih sebagai informan dalam kajian ini. Kajian ini dijalankan secara kualitatif yang melibatkan temuduga dan pemerhatian. Kaedah triangulasi digunakan untuk mengesahkan maklumat dalam persoalan kajian. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran serunai secara tradisional dapat membantu memelihara tradisi permainan alat ini. Ia juga dapat dijadikan panduan bagi guru-guru untuk mengajar pelajar-pelajar baru dalam permainan serunai di sekolah dalam usaha memperkembang kembali teknik permainan alat serunai. Diharap kajian ini dapat membantu menghidupkan kembali muzik tradisional yang berkaitan dengan serunai.

ABSTRACT

Serunai is a type of traditional musical instrument under the category of aerophones. It is very popular in Kelantan especially in the Wayang Kulit (puppet play) and the Gendang Silat (Malay Silat drum troupe). The serunai players in Kelantan now are mostly very old people and there are only a few of the wayang kulit troupes still performing in Kelantan. Information regarding the techniques of playing the serunai; its breathing system; the fingering methods and the oral recitals before the actual performance should be studied for obvious reasons. This is one of the reasons for this study. The person giving information in this study is a famous serunai player in Kelantan. He is Mr. Hamzah Bin Yusof from Gelang Emas, Pasir Mas. The study is done qualitatively. The questionnaires in this study are oral in nature and observations were made during teaching sessions. Observations were also made on the techniques of playing the serunai in actual playing sessions. These observations were recorded and reflections made during the field work to ensure proper data collection. The triangular method was used for finding answers to the questionnaires. The results show that the traditional methods of teaching the serunai was effective in teaching new students.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Bab ini akan menerangkan fungsi serunai dalam muzik tradisi dan moden di Malaysia serta keperluan menjalankan kajian ke atas permulaan pengajaran dan pembelajaran serunai, teknik-teknik permainan dan ungkapan serta istilah yang diguna pakai oleh tenaga pengajar kepada pelajar baru serunai negeri Kelantan secara tradisional. Ia juga merupakan pengenalan kepada latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, batasan kajian, definisi istilah, kesignifikanan kajian, prosedur kajian, kajian literatur dan metodologi kajian.

1.2. Latar Belakang

Serunai ialah sejenis alat muzik tiupan tradisional yang terkenal di negeri Kelantan. Fungsi serunai dalam muzik tradisi di Malaysia amatlah besar. Merriam (1964: 224-225), telah memberi tiga fungsi penting muzik dalam masyarakat dengan menyebut: “*enforcing conformity to the social norm, validating social institutions and religious ritual, and contributing to the continuity and stability of culture*”. Muzik akan menguatkan nilai-nilai norma dalam masyarakat, institusi sosial dan ritual keagamaan serta menyumbangkan kesinambungan dan kestabilan kebudayaan. Beliau juga bersetuju setiap masyarakat mempunyai peristiwa-peristiwa yang menggunakan muzik untuk menarik ahli masyarakat dan menyatukan mereka (ibid 227). Berdasarkan kepada pendapat ini, ia sangat penting untuk menyatakan fungsi serunai dari aspek tradisional, pendidikan dan kontemporari.

Serunai berfungsi sebagai alat melodi utama dalam muzik-muzik ensemble wayang kulit, gendang silat, makyong, mekmulung, menora dan main peteri. Serunai juga digunakan dalam muzik-muzik tarian seperti tarian asyik, terinai, wau bulan dan taridra.¹ Dari sudut industri muzik pula, penggunaan serunai tidak lagi dianggap pelik dan sumbang kerana telah ada lagu-lagu yang bercorak irama Malaysia dan kontemporari menggunakan serunai sebagai adunan muziknya. Sebagai contoh, lagu Semerah Padi ciptaan M. Nasir, menggunakan serunai sebagai muzik pengenalan.

¹ Tarian yang mempunyai tema dan plot perjalanan sesuatu cerita klasik.

Dalam ensembel wayang kulit, dua batang serunai digunakan dan dinamakan serunai Ibu dan Anak. Serunai Ibu berukuran antara 50 hingga 60 sentimeter panjangnya. Selain memainkan lagu bertabuh atau buka panggung, ia juga digunakan untuk memainkan lagu-lagu tanpa 'vokal' dan lagu-lagu '*charator*' atau lagu watak seperti Lagu Hulubalang, Lagu Perang Dewa Panah, Lagu Serama Keluar dan Lagu Serama Berjalan. Lagu Tukar Dalang dimainkan semasa proses penukaran Tok Dalang Muda kepada Tok Dalang Tua. Dalam repertoir lagu-lagu wayang kulit, peranan serunai ibu lebih besar daripada peranan serunai anak. Serunai anak pula berukuran lebih kecil dan pendek daripada serunai ibu iaitu 30 hingga 40 sentimeter, dikhaskan untuk mengiringi vokal yang disampaikan oleh Tok Dalang mengikut konteks ceritanya.

Penggunaan serunai dalam dramatari sememangnya penting. Dramatari merujuk kepada tarian dan pergerakan dalam sesuatu ensembel makyong, menora, mekmulung dan jikey. Sebagai aspek integral bentuk itu, tarian ini mempunyai fungsi dramatik, simbolik untuk mencantikkan dan mengindahkan teater itu. Serunai memainkan melodi-melodi tertentu mengikut jenis tarian yang dilakukan dan melodinya dipercayai dapat menghasilkan tarian yang lemah gemalai dan cantik. Dalam ensembel mekmulung, pada asalnya dipercayai mempunyai dua belas tarian sahaja dan kini telah bertambah berlipatganda. Contoh-contoh gerak tari yang diiringi oleh serunai ialah gaya gerak tari Sembah Guru, Tanduk Kerbau, Bunga Mengambang dan Buka Tari.

Dalam ensembel makyong pula, serunai tidak begitu ketara tetapi sebagai alat melodi tambahan sahaja di samping rebab. Selalunya serunai dimainkan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

untuk lagu-lagu tarian makyong yang panjang iaitu '*Tari Ragam*'. Ensembel mekmulung, melodi serunai merujuk kepada lagu '*Bertabik*' dan lagu-lagu selingan yang lain. Manakala dalam ensembel gendang silat, serunai merupakan alat melodi utama yang terpenting. Lagu dalam gendang silat hanya satu sahaja tidak sepertimana wayang kulit yang mempunyai pelbagai lagu tetapi melodinya diimprovisasikan mengikut rentak dan corak irama gendang dan juga mengikut rentak serta corak langkah pesilat. Melodi dalam lagu silat dimainkan dengan teknik atau cara bernafas yang berterusan dan dalam ensembel nobat diraja, serunai mempunyai kedudukan tinggi dari segi statusnya. Ia digandingkan dengan alat tiup *nafiri* yang memainkan '*drone*' dalam muzik istiadat seperti pertabalan dan sebagainya.

Secara umum, alat muzik serunai telah mendokong peranannya yang banyak dalam tradisi muzik rakyat dan juga istana di Malaysia. Selain peranannya sebagai pembawa melodi dalam genre muzik yang berbagai-bagai, juga digunakan bagi tujuan perarakan untuk mengiringi pembesar-pembesar negara. Muzik serunai juga tidak terhad kepada repertoir lagu-lagu ensembel tradisi sahaja malah ia juga boleh memainkan lagu-lagu masa kini bergantung kepada skel dan melodi lagu tersebut.

Dalam konteks pendidikan, telah wujud sekolah-sekolah yang mempunyai kumpulan-kumpulan muzik wayang kulit dan gendang silat sebagai aktiviti ko-kurikulumnya. Tambahan pula Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah memberi kelonggaran kepada setiap sekolah untuk mengajar muzik tradisional yang popular di negeri masing-masing sebagai aktiviti ko-

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

kurikulum, khususnya dalam melaksanakan pengajaran ensembel tradisional pilihan dengan pindaan dalam Sukatan Muzik Sekolah Menengah (2004). Walaupun huraian sukatan KBSM di atas dinyatakan secara umum, namun amat penting sekali pembelajaran serunai di perembangkan di peringkat sekolah kerana serunai ialah alat tradisional yang dapat melambangkan identiti negara kita. Negeri-negeri lain juga mempunyai sekolah-sekolah yang aktif dengan kumpulan muzik tradisional khususnya muzik gendang silat. Sebagai contoh, di Terengganu, sekolah-sekolah yang mempunyai kumpulan muzik gendang silat ialah Sekolah Menengah Sultan Ahmed, Kuala Terengganu. Di Pekan Pahang, antara sekolahnya ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Ahmed dan Sekolah Kebangsaan Bera Teriang. Di Melaka, Sekolah Menengah Kebangsaan Munshi Abdullah dan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Mahkota. Manakala di Negeri Sembilan pula ialah Sekolah Menengah Pendeta Zaaba.

Ekoran dari itu, Sekolah Menengah Methodist, Tanjung Malim, dengan kerjasama Jabatan Muzik, Fakulti Seni & Muzik, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, telah melaksanakan satu projek muzik wayang kulit. Melalui kertas konsepnya 'Projek Wayang Kulit Dalam Bilik Darjah' pada tahun 2005 adalah bertujuan untuk dimanfaatkan oleh kedua-dua belah pihak. Bagi pihak Jabatan Muzik UPSI, projek ini membuka laluan untuk melaksanakan tugas khidmat masyarakat, penyelidikan dan pengembangan staf akademiknya. Pihak Panitia Muzik Sekolah Menengah Methodist akan dapat memanfaatkan projek ini untuk meningkatkan kualiti pengajaran muzik khususnya dalam melaksanakan pengajaran ensembel tradisional pilihan. Kenyataan di atas telah

menunjukkan kepada kita betapa besarnya penglibatan muzik tradisional khususnya muzik serunai dalam konteks pendidikan di Malaysia yang perlu dipelihara dan diperkembangkan penggunaannya. Oleh itu, satu kajian berhubung dengan permainan serunai perlu dilakukan. Walaupun tumpuan kajian hanya kepada permainan serunai wayang kulit Kelantan, namun sedikit sebanyak dapatan kajian ini boleh diaplikasikan kepada jenis-jenis serunai yang lain di Malaysia.

1.3. Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneliti aspek-aspek yang diambil kira dalam proses pengajaran dan pembelajaran permulaan permainan serunai berkaitan teknik-teknik permainan dan ungkapan serta istilah tempatan yang diguna pakai oleh tenaga pengajar kepada pelajar baru secara tradisional. Kajian ini juga memberi latar belakang sejarah alat serunai dan mencari bukti bagaimana alat berkenaan tiba di Semenanjung Tanah Melayu sebagaimana Hilarian (2003:2-4) membuat kajiannya ke atas gambus dari perspektif dunia Melayu. Corak migrasi dari aspek geografi serunai diberitahu untuk mendapatkan satu gambaran jelas tentang bagaimana urutannya sehingga menjadikan serunai salah satu alat muzik bermelodi yang penting dalam beberapa ensemble tradisional di Malaysia.

Aspek organologikal juga diberi penekanan. Merriam (1964:45) mencadangkan dalam membuat kajian ke atas sesuatu alat muzik, tiap-tiap satu

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

bahagian mestilah diukur dengan tepat dan diambil gambarnya. Penerangan alat ini mestilah mengikut prinsip pembentukannya, material yang digunakan dan corak perhiasannya. Kaedah dan teknik persembahan, renj muzikal, ton dan skel teoritikal yang digunakan juga disebut. Peranan serunai juga dikaitkan dalam fungsi muzik tradisional dan kontemporari.

Kaedah yang digunakan ialah pendekatan kajian kes secara kualitatif melalui penggunaan teknik pemerhatian, temubual dan bukti dokumen untuk mengutip, mengumpul dan menganalisis data. Diharap dapatan kajian ini dapat membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran muzik di Malaysia kelak, khususnya pelajar-pelajar sekolah menengah.

1.4. Pernyataan Masalah

Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) memperuntuk pengajaran dan pembelajaran muzik tradisional iaitu muzik ensemble wayang kulit, makyong dan muzik ensemble gendang silat, sedangkan guru-guru muziknya kurang berkemampuan dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran teknik-teknik permainan serunai dan terpaksa menggunakan tenaga pengajar dari luar.

Melalui temubual dengan Pengarah Pusat Pelancongan Negeri Kelantan iaitu En. Fauzi bin Ahmad pada 8hb. Mei 2005, pertandingan ensemble muzik tradisional yang melibatkan serunai iaitu muzik wayang kulit dan gendang silat diadakan pada setiap tahun. Maklumat dan data yang diperolehi menunjukkan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

penyertaan semakin berkurangan. Karnival Pertandingan Muzik Tradisional Negeri Kelantan 2004 anjuran Pusat Pelancongan Negeri Kelantan telah menerima penyertaan 25 pasukan Gendang Silat dan 7 pasukan muzik wayang kulit. Berbanding tahun 2003, 30 pasukan gendang silat dan 11 pasukan muzik wayang kulit. Terbukti bahawa kumpulan ensembel wayang kulit dan gendang silat semakin berkurangan dan apa yang lebih membimbangkan ialah purata umur pemain serunai di antara 50 tahun hingga 75 tahun. Kemahiran teknik permainan mereka akan terkubur jika tidak didokumentasikan untuk generasi akan datang sebagai pelapis. Selaras dengan kenyataan ini Mohamed Ghouse berkata,

“ketika ini hampir semua pemain muzik tradisional adalah orang yang lewat umur. Tidak terdapat barisan pelapis di kalangan anak-anak muda kerana kebanyakan muda-mudi lebih tertarik dengan muzik barat yang jauh lebih popular daripada muzik tradisional. Keadaan ini berlaku kerana pengaruh muzik barat telah menyerap ke dalam cara hidup masyarakat Malaysia akibat daripada pengaruh media elektronik dan media cetak serta peranan saluran pendidikan yang menggalakkan pengajian muzik barat”.

(Ghouse: Seni Persembahan Tradisi Menjelang Awal Abad ke 21, 1994 : 6-9)

Situasi ini diperkuat lagi oleh Ariff (1990: 4-5) yang menyebut bahawa kurangnya pemuzik-pemuzik yang boleh memainkan alat-alat muzik yang digunakan untuk persembahan lagu-lagu tradisional. Keadaan ini akan bertambah buruk lagi dari semasa ke semasa jika dibiarkan berterusan. Generasi-generasi akan datang langsung tidak akan berpeluang untuk mendengar dan mengenali apakah dia tradisi muzik asli mereka. Dalam konteks ini alat serunai juga tidak terkecuali menerima nasib yang sama.

Pada pandangan pengkaji, muzik wayang kulit tidak lagi mempunyai masa depan yang baik. Kekurangan minat di kalangan anak-anak muda dan orang dewasa terhadap teater tradisi ini cukup membimbangkan. Malah yang lebih membimbangkan lagi ialah tidak ada golongan pelapis muda yang boleh mewarisi teknik-teknik dan nilai-nilai tradisi yang berkaitan dengan serunai sedangkan Kementerian Pendidikan memberi galakan dan sokongan dalam memperkembang muzik tradisi di peringkat sekolah seluruh negara.

Berdasarkan pernyataan di atas, satu kajian berhubung dengan permainan serunai perlu dilakukan. Diharap dapatan dalam kajian ini boleh membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran muzik tradisional di sekolah-sekolah khususnya di sekolah menengah yang melibatkan penggunaan serunai dalam sesuatu ensemble muzik tradisional masing-masing.

1.5. Objektif Kajian

Objektif kajian ialah untuk melihat:

- a. Aspek-aspek yang diambil kira dalam permulaan pengajaran dan pembelajaran permainan serunai wayang kulit Kelantan secara tradisional.
- b. Teknik-teknik penjarian yang diguna pakai dalam permainan serunai wayang kulit Kelantan secara tradisional.
- c. Teknik-teknik tiupan serunai yang diguna pakai oleh pemain serunai wayang kulit Kelantan secara tradisional.
- d. Istilah dan ungkapan yang diguna pakai dalam permainan serunai Kelantan secara tradisional.

1.6. Persoalan Kajian

Persoalan yang ditimbulkan dalam kajian ini ialah:

1. Apakah aspek-aspek yang diambil kira dalam permulaan pengajaran dan pembelajaran permainan serunai secara tradisional di Kelantan?
2. Apakah teknik-teknik yang diguna pakai di kalangan pemain serunai untuk mengajar serunai kepada pelajar baru.
3. Apakah istilah-istilah dan ungkapan tradisi yang diguna pakai dalam permainan serunai secara tradisional di negeri Kelantan?

1.7. Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada serunai wayang kulit negeri Kelantan sahaja dan bukan daripada lain-lain negeri. Serunai dalam kajian ini mempunyai 8 lubang yang *pipitnya* diperbuat daripada daun *tar*. Manakala data-data dikumpul adalah berdasarkan lagu-lagu dalam repertoir wayang kulit dan tidak ada kaitan dengan ensembel-ensembel yang lain.

Kelantan terbahagi kepada beberapa daerah tertentu dan setiap daerah mempunyai kumpulan ensembel muzik wayang kulit yang berkemungkinan

mempunyai stail tersendiri dalam teknik-teknik meniup serunai. Memandangkan teknik-teknik permainan serunai agak berbeza mengikut daerah, pengkaji telah membataskan kajiannya hanya di daerah tempat informan tinggal iaitu di daerah Pasir Mas.

1.8. Definisi Istilah

Tajuk kajian pengkaji ialah Teknik Permainan Serunai Dalam Konteks Muzik Tradisional Wayang Kulit Kelantan. Satu Kajian Kes. *Teknik* ialah kepandaian membuat atau melakukan sesuatu yang berkaitan dengan pembuatan hasil (*Kamus Bahasa Melayu* 1999: 556). Dalam konteks tajuk kajian ini, teknik yang dimaksudkan ialah gabungan cara-cara atau pendekatan yang digunakan oleh pemain serunai secara tradisional dari permulaan permainan serunai sehinggalah kepada penghasilan ton yang baik. Penggunaan istilah dan ungkapan adalah salah satu teknik yang diguna pakai dalam proses pengajaran dan pembelajaran serunai.

Permainan ialah apa-apa yang digunakan untuk bermain dan berkaitan dengan perbuatan atau tingkah laku untuk sesuatu yang dilakukan dengan kesukaan (*Kamus Bahasa Melayu* 1999: 566). Dalam kajian ini, permainan yang dimaksudkan ialah memainkan alat muzik serunai secara tradisi untuk menghasilkan bunyi dalam lagu-lagu ensembel wayang kulit Kelantan.

Serunai pula adalah sejenis alat tiupan kayu yang dikategorikan dalam alat *shawm* dan sebagai '*a free double reed aerophone*'. Dalam kajian ini, pengkaji

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

hanya menumpukan kepada serunai wayang kulit Kelantan dan bukan kepada serunai-serunai di negeri lain. Saiz serunai wayang kulit Kelantan tidak selaras dan tonalitinya juga berbeza antara satu sama lain. Ia mempunyai dua keping *pipit* (*'double-reed'*) yang diperbuat daripada daun *tar*. Apabila ditiup, berlaku getaran di antara dua kepingan pipit yang akan menghasilkan bunyi. Cara bermain serunai tidak seperti alat tiupan yang lain kerana pemainnya menggunakan cara nafas yang berterusan (*circular breathing*) dengan cara udara ditiup keluar dan pada masa yang sama udara tambahan disedut ke dalam paru-paru melalui hidungnya menjadikan lagu yang dimainkan berterusan tanpa putus-putus atau berhenti dalam jangka masa yang panjang. Matusky dan Tan (1997: 14-15).

Pengertian *muzik* dalam konteks tradisional Melayu ialah bunyi tersusun yang dihasilkan dari gesekan, ketukan, pukulan dan tiupan yang dikeluarkan dari sentuhan dua atau lebih benda yang bergerak. Kerana bunyi itu disusun, maka terjadilah beraneka muzik yang beridentitikan pengaruh alam sekeliling pencipta muzik itu (Mohd Nasir, 2000: 34). Dalam konteks kajian ini, muzik yang dimaksudkan ialah muzik-muzik dalam ensemble wayang kulit Kelantan sahaja.

Perkataan *tradisional* boleh ditakrifkan sebagai sesuatu perkara yang diwarisi dari satu zaman ke satu zaman yang lain dan dari satu generasi ke satu generasi terdahulu dan mungkin dari zaman dahulu kala serta masih dipertahan dan diamalkan serta dihormati oleh generasi sekarang (Sheppard, 1990: 1-2). Penggunaan perkataan 'tradisional' pada tajuk kajian ini adalah berdasarkan kepada pernyataan Matusky (1985: 45) di mana kaedah *rote-teaching* ialah kaedah yang memperlihatkan penurunan kemahiran bermain alat-alat muzik daripada

generasi tua kepada generasi muda secara tradisi oral. Kaedah ini telah terbukti keberkesannya dalam pengajaran dan pembelajaran muzik tradisional.

Menurut Mohd Taib (1984: 204), *muzik tradisional* ialah muzik yang telah wujud selama beberapa keturunan dengan mengutamakan beberapa alat muzik dan ciri-ciri alat muzik yang berasaskan dari Asia Tenggara.

Wayang kulit diertikan sebagai teater tradisi Melayu lama yang menggabungkan unsur-unsur muzik dan dialog, memaparkan cerita dongeng, mitologi atau epik seperti Ramayana dan Mahabharata. Temanya menegaskan unsur baik yang mengatasi unsur jahat dan watak-watak manusia adalah sterotaip yang bergaul dengan watak-watak dewa. Manakala ritual merupakan sebahagian penting dalam persembahannya dan gaya pementasannya adalah simbolik serta unsur-unsur teater tradisi ini juga digunakan untuk tujuan perubatan (Mohd Ghouse 1993: 735-736).

1.9. Kesignifikanan Kajian

Kajian ini akan dapat memberi kelangsungan sebuah warisan seni yang bermanfaat sebagai bahan rujukan kepada pelajar baru dan semua pendidik muzik dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran muzik tradisional wayang kulit khususnya pengajaran dan pembelajaran serunai di peringkat sekolah menengah dan institusi-institusi pengajian tinggi yang lain. Bersesuaian dengan hasrat Kementerian Pendidikan dalam memperkembang muzik tradisional di sekolah-

sekolah sama ada di peringkat menengah mahu pun di peringkat rendah. Diharap dapatan kajian ini boleh digunakan oleh pihak penggubal dalam menggubal sukatan pelajaran muzik tradisional, khususnya muzik wayang kulit.



BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.1. Pengenalan

Bab ini menjelaskan peruntukan muzik tradisional dalam Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah (KBSM), diskripsi serunai (*'The Organological Aspect Of The Serunai'*), sejarah perkembangan serunai, pendekatan historikal dan hubungkait perkara-perkara yang dikaji dengan bahan-bahan berbentuk teks, artikel-artikel, jurnal pendidikan serta maklumat dari laman-laman web yang akan membantu pengumpulan data dalam menjawab persoalan kajian. Ini membolehkan pengkaji melihat apakah yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji lain dalam bidang alat-alat muzik keluarga erofon yang dapat memberi sokongan maklumat kepada kajian ini.

2.2. Kajian Literatur

Sukatan Pelajaran Muzik Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) bertujuan memberi perluasan pengalaman muzikal dan kesedaran estetik pelajar. Salah satu tumpuan kurikulum adalah muzik tradisional. Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Muzik (2004), Tingkatan Satu dan Empat pada objektif keempat iaitu Penghargaan Estetik di bahagian Hasil Pembelajaran (4.1 - Mengenal pasti karya dan persembahan muzik Malaysia). Di antaranya telah diperuntukan muzik ensembel wayang kulit dan makyong sebagai muzik rakyat yang perlu dipelajari dan dihayati. Sukatan Pelajaran Muzik Tingkatan Lima pula diperkenalkan muzik ensembel gendang silat. Serunai adalah alat melodi utama dalam ensembel-ensembel ini.

Muzik tradisional Melayu kini diajar melalui dua cara iaitu yang pertama belajar sambil membuat persembahan dan yang kedua belajar sebelum membuat persembahan. Cara pertama, pengajaran dan pembelajaran muzik tradisional memperlihatkan penurunan kemahiran bermain alat-alat muzik daripada generasi tua ke generasi muda secara tradisi oral melalui kaedah '*rote teaching*' (Matusky 1985). Kaedah ini memerlukan pelajar mengimitasi teknik permainan daripada ahli kumpulan ensemble yang lebih berpengalaman. Pengajaran dan pembelajaran wujud apabila seseorang mengamalkan sesuatu kemahiran bermain alat-alat dalam satu-satu ensemble. Pelajar mula belajar irama asas melalui permainan alat-alat idiofon dan kemudiannya melanjutkan pengetahuan ke irama yang lebih kompleks serta bertingkah secara berperingkat daripada permainan alat geduk,

gedombak hingga ke alat-alat gendang (Matusky 1993). Alat erofon (serunai) selalunya dipelajari setelah mereka menguasai kemahiran-kemahiran yang tersebut di atas.

Cara kedua ialah belajar sebelum membuat persembahan. Cara ini banyak diamalkan dalam pengajaran joget gamelan. Mengikut D'Cruz (1979), permainan muzik tradisional khususnya muzik gamelan dilatih secara sistematik dalam jangka masa yang panjang sebelum pelajar dibenarkan membuat persembahan. Cara belajar meniup serunai ialah dengan cara kedua iaitu belajar sebelum membuat persembahan. Masa yang panjang diperlukan untuk pelajar menguasai kemahiran meniup dengan menggunakan teknik-teknik dan kaedah-kaedah tertentu.

Dari segi penguasaan kemahiran irama, terdapat dua peringkat iaitu peringkat pertama memerlukan pelajar menguasai kemahiran irama asas dan peringkat kedua memerlukan pelajar menguasai kemahiran irama yang lebih kompleks dalam irama bertingkah. Menurut Gordon (1968), kemahiran membaca dan 'merasa' corak irama juga merupakan faktor asas penting dalam penghayatan muzik yang bermutu. Namun begitu, dalam pengajaran dan pembelajaran teknik dan kaedah meniup serunai tidak memerlukan kemahiran membaca. Tetapi kemahiran 'merasa' corak irama, rentak lagu, melodi serta gongan sememangnya asas kepada pembelajaran serunai. Untuk memastikan pelajar mempelajari kemahiran irama, rentak lagu, melodi dan gongan, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru atau tenaga pengajar luar menjadi faktor yang penting.